

# Patuhi perlembagaan parti — Dr. Mahathir

1 MAI 1981

KUANTAN 10 Mei — Patuhi sepenuhnya perlembagaan parti dan sentiasa bertata tertib, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan seluruh ahli UMNO, termasuk para pemimpin parti baik di peringkat atasan mahu pun rendah.

Beliau memberi amaran bahawa perpaduan bangsa Melayu akan hancur kalau semua dalam parti tidak mengikut tata tertib dalam tindakan dan gerak-geri mereka.

"Tiap ahli atau pemimpin UMNO di peringkat mana sekali pun jangan sekali-kali membelakangkan perlembagaan dan tata tertib parti untuk mendedahkan kepentingan diri.

"Kalau ikut nafsu dan sesuka hati mungkin juga kita berjaya, tetapi kejayaan itu tidak lama kerana perbuatan melalui cara tidak baik akan diguna pula untuk menikam diri sendiri."

kata Timbalan Presiden UMNO itu di sidang perwakilan UMNO Bahagian Kuantan di Dewan Majlis Perbandaran di sini hari ini. Datuk Sri Dr. Mahathir menambah: "Kalau kita bertindak tanpa mengikut perlembagaan dan bertata tertib ianya akan membunuh diri kita sendiri."

Beliau menarik perhatian, bahawa akhir-akhir ini banyak ramalan dibuat mengenai keadaan politik tanahair, terutama spekulasi mengenai apa yang berlaku sekarang atau dalam jangka waktu yang pendek ini.

"Kita harus tertib dan tenteram dalam menghadapi semua keadaan itu," tambahnya.

Hadir sama termasuk Menteri Besar Haji Abdul Rahim Abu Bakar yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Pahang, Ketua UMNO Bahagian Kuantan Encik Mohamad Ali Shariff serta beberapa orang

wakil rakyat.

Beliau yang tidak secara langsung mengakui adanya krisis politik di Pahang, bagaimanapun mensifatkan rakyat negeri ini sebagai amat bertuah dan bernasib baik kerana kekayaan hasil negerinya sendiri boleh membawa kesenangan hidup mereka.

"Tetapi biasanya orang yang bernasib baik tidak sedar ia bernasib baik," katanya dan menyambung: "Kita patut ingat diri kita, kita harus insaf nasib baik kita itu kerana Pahang mempunyai sumber kekayaan."

Beliau menjelaskan, di samping kekayaan sendiri, Kerajaan Pusat juga memberi perhatian berat kepada pembangunan Negeri Pahang sejak zaman Allahyarham Tun Abdul Razak hingga sekarang.

Timbalan Perdana Menteri memberitahu, bahawa dalam keadaan sekarang Kerajaan Pusat

dang memberi perhatian yang amat serius kepada keadaan yang berlaku di Pahang.

Beliau berpendapat, Pahang harus wujud sebagai sebuah negeri yang aman dan tenteram kerana tidak ada kebajikan dari keadaan yang kucar kacir.

Bagaimanapun, Timbalan Presiden UMNO Malaysia itu menambah, sama ada Pahang boleh atau tidak berbuat demikian adalah bergantung kepada kemampuan penduduknya sendiri.

Sebelum itu, Timbalan Perdana Menteri mengingatkan kembali bagaimana cara penjajah menakluki negara ini melalui perpecahan dan sikap mementingkan diri serta mengikut nafsu setengah pemimpin tempatan Melayu sendiri.

"Kedatangan British, misalnya, adalah atas jemputan beberapa pemimpin tempatan kerana mahu menjatuhkan orang-orang besar yang lain dengan ha-

pang dari kekuatan orang asing," katanya.

Tetapi, jelasnya, apabila penjajah itu berkuasa, orang-orang yang menjemputnya juga disingkirkan.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, kuasa yang ada di tangan "kita suatu ketika dulu telah terlepas akibat kita sendiri berpecah belah berpuak-puak serta bertikai sama sendiri."

Menyentuh mengenai kemajuan ekonomi orang Melayu beliau bangga kerana skim Amanah Saham Nasional yang baru dilancarkan tidak sampai sebulan lalu orang-orang Melayu telah berjaya mengumpul modal kira-kira \$70 juta sekarang.